

1. Baca petikan di bawah. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Negeri Melaka pada suatu masa dahulu amat terkenal di seluruh Nusantara. Negeri Melaka terletak di pantai barat Semenanjung Malaysia dan menghadap ke arah Selat Melaka. Melaka ialah negeri yang bersempadan dengan Negeri Sembilan dan Johor. Negeri Melaka terbahagi kepada tiga jajahan, iaitu Alor Gajah, Melaka Tengah dan Jasin.

Kerajaan Melaka telah diasaskan pada tahun 1400 Masihi bermula dengan kedatangan seorang putera raja dari Palembang. Beliau telah melarikan diri dari Palembang apabila gagal dalam pemberontakan menentang kerajaan Majapahit. Bersama-sama pengikutnya, Parameswara telah membuka penempatan di Kuala Sungai Bertam setelah beliau mendapati kawasan itu sesuai untuk dimajukan. Beliau kemudiannya menamakan kawasan itu sebagai Melaka.

Melaka telah membangun dengan pesat. Melaka menjadi sebuah negeri perdagangan di antara timur dengan barat. Tidak lama kemudian, Melaka telah diiktiraf sebagai sebuah empayar. Banyak kapal dagang yang membawa muatan seperti emas, sutera, tembakau dan haruman serta barang-barang berharga singgah di sini. Terdapat juga kapal dagang dari negara-negara atas angin yang berlabuh di pelabuhan ini untuk berdagang.

Kemasyhuran Melaka sebagai pusat perdagangan telah menarik minat beberapa buah negara asing untuk menaklukinya. Melaka telah dijajah oleh Portugis pada tahun 1511. Selepas Portugis, Belanda pula menaklukinya dan diikuti oleh Inggeris. Kesan-kesan sejarah hasil peninggalan penjajah-penjajah masih boleh didapati sehingga hari ini seperti Kota A' Famosa, Bukit St. Paul, Bangunan Stadhuys dan lain-lain.

1. Negeri Melaka terletak
 - A di tengah-tengah antara Negeri Sembilan dengan Johor
 - B di bahagian atas antara Negeri Sembilan dengan Johor
 - C bersebelahan dengan Negeri Sembilan dan Johor
 - D di bawah Negeri Sembilan dengan Johor
2. Berdasarkan petikan, siapakah yang menjadi pengasas Melaka?
 - A Orang Inggeris
 - B Orang Portugis
 - C Orang Belanda
 - D Parameswara
3. Bangunan Stadhuys mempunyai ciri-ciri yang sama dengan Kota A' Famosa. Pilih pernyataan yang **benar**.
 - A Merupakan tinggalan oleh penjajah Inggeris di Tanah Melayu
 - B Merupakan tinggalan sejarah hasil penjajahan Portugis dan Belanda
 - C Merupakan tinggalan sejarah semasa Tanah Melayu mencapai kemerdekaan
 - D Merupakan tinggalan sejarah semasa Tanah Melayu berjuang menentang Jepun

4. Apakah yang menjadikan Melaka sebagai sebuah empayar?

- A Perkapalan
- B Penjajahan
- C Perdagangan
- D Peninggalan sejarah

2. Baca petikan di bawah dan jawab soalan-soalan berikutnya.

AWAS: Elakkan daripada terhidu kabus semburan. Elakkan daripada terkena kulit atau mata. Jangan halakan semburan pada manusia, mananan atau perkakas dapur. Bekas ini di bawah tekanan gas. Jangan simpan bekas ini di bawah sinaran matahari. Elakkan bekas daripada terdedah kepada suhu melebihi 50 C (122 F) seperti di dalam kereta atau berdekatan dengan sumber haba seperti dapur pemanas atau nyalaan api. Jangan sembur pada plastik tanpa ujian terlebih dulu.

JANGAN TEBUK ATAU CAMPAK BEKAS AEROSOL KE DALAM API

TANDA TERKENA RACUN : Gatal-gatal pada mata , hidung atau kerongkong

ATURAN PENGGUNAANYA : tutup semua pintu dan tingkap. Sembur racun serangga ke serta bilik selama dua hingga tiga saat. Apabila menyembur bilik perlu diterangi dengan cahaya lampu. Tinggalkan bilik selepas menyembur dan biarkan tertutup sekurang-kurangnya lima hingga 10 minit sebelum masuk semula.

1. Bekas yang dimaksudkan di atas ialah
 - A penyembur gas
 - B penyembur wangian
 - C penyembur cat kereta
 - D penyembur racun serangga
2. Apakah perkara yang diperlu dielakkan?
 - A Terhidu kabus semburan
 - B Membeli lebih daripada satu
 - C Menyimpan di tempat yang tinggi
 - D Terdedah kepada suhu kurang daripada 50 ° C
3. Mengapakah bekas ini tidak boleh terdedah pada suhu melebihi 50 ° C?
 - A Bekas ini akan meletup
 - B Bekas ini akan menjadi cair
 - C Akan terkena tekanan gas
 - D Akan tersembur pada kulit dan mata

4. Antara yang berikut, kumpulan yang manakah **bukan** serangga?
- A Semut dan anai-anai
 - B Kumbang dan lipas
 - C Nyamuk dan lalat
 - D Cicak dan semut

3. Baca laporan di bawah. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

**LAPORAN LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE PULAU PANGKOR
PERSATUAN BAHASA MELAYU SEKOLAH KEBANGSAAN PAUH**

Pada 5 April 2007, Sekolah Kebangsaan Pauh telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Pulau Pangkor selama dua hari. Sebanyak 44 orang murid telah menyertai lawatan ini termasuklah dua orang guru pengiring. Rombongan ini bertolak pada pukul 9.00 pagi dan sampai di sana pada pukul 3.00 petang.

Setibanya di sana, rombongan ini disambut dengan mesra oleh pengurus penginapan, iaitu Encik Khairil Jamaluddin. Empat orang peserta diberi sebuah bilik. Selepas bersarapan, Encik Khairil menyampaikan taklimat tentang kawasan percutian.

Menurut beliau, Pulau Pangkor merupakan sebuah pulau yang cantik dan kaya dengan pelbagai hidupan laut. Batu karang terdapat dengan banyaknya di sini. Batu karang mencantikkan suasana di dasar laut. Polip-polip halus yang tumbuh pada batu karang menjadi permulaan rantaian makanan kepada hidupan laut yang lain.

Walau bagaimanapun, hidupan ini semakin musnah akibat tindakan manusia yang tidak bertanggungjawab. Pencemaran dan aktiviti mengumpul batu karang telah mengancam kawasan dasar laut dan hidupan di dalamnya.

Antara program yang diadakan sepanjang lawatan dua hari ini ialah bersiar-siar mengelilingi pulau, mencuba scuba diving, mandi-manda, berkayak dan sebagainya. Kuiz tentang kehidupan di dasar laut juga diadakan untuk menguji pengetahuan murid-murid. Selain itu, diadakan juga sukaneka dan pertandingan mencari harta karun di sekitar pulau ini.

Selain dapat menambahkan pengetahuan dan berekreasi, lawatan ini juga bertujuan untuk mendekatkan murid-murid dengan pelbagai hidupan laut.

Semua peserta memberikan komitmen yang tinggi sepanjang lawatan ini. Walaupun berasa amat letih tetapi mereka semua berasa gembira dan bersemangat untuk mengekalkan keindahan alam sekitar.

Laporan disediakan oleh,

8 APRIL 2007.

__Jalina_____

(JALINA BT. REJAB)

Setiausaha Persatuan Bahasa Melayu.

1. Berdasarkan laporan tersebut, masa yang diambil oleh ahli rombongan untuk sampai ke Pulau Pangkor ialah
 - A 5 jam
 - B 6 jam
 - C 7 jam
 - D 8 jam

2. Jenis pencemaran yang dimaksudkan dalam laporan ini merujuk kepada
- A pencemaran air
 - B pencemaran tanah
 - C pencemaran udara
 - D pencemaran oleh manusia
3. Pilih pernyataan yang **tidak benar** tentang laporan.
- A Tindakan manusia mengambil polip-polip pada batu karang menjejaskan keindahan dasar laut.
 - B Batu karang di kawasan Pulau Pangkor kerap diambil oleh manusia yang tidak bertanggungjawab.
 - C Pulau Pangkor ialah pulau yang sangat indah dan kaya dengan pelbagai hidupan laut.
 - D Polip-polip pada batu karang menjadi permulaan rantaian makanan kepada hidupan laut.
4. Semua yang berikut ialah objektif lawatan ini, **kecuali**
- A untuk mendekatkan murid-murid dengan hidupan laut
 - B untuk menambahkan pengetahuan am
 - C untuk mengkaji tentang hidupan laut
 - D untuk berekreasi dan bersiar-siar

4. Baca surat kiriman rasmi di bawah. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

No. 7, Kampung Kubang Gajah,
02600 Padang Siding,
Perlis.

Majlis Perbandaran Kangar,
Bangunan Majlis Perbandaran Kangar,
01000 Kangar,
Perlis.

2 APRIL 2007.

Tuan,

Memohon Kemudahan Asas

Saya mewakili penduduk di kampung ini ingin mengemukakan rayuan agar pihak yang berkenaan dapat mengadakan kemudahan asas yang sekian lama ingin dikecapi oleh penduduk di kampung ini.

2. Antara kemudahan yang perlu disediakan di sini ialah bekalan air dan elektrik. Kemudahan jalan raya yang berturap juga perlu bagi menggantikan jalan tanah merah dan juga kemudahan talian telefon yang penting pada saat-saat kecemasan.

3. Kami sebagai penduduk di sini menghadapi pelbagai masalah, antaranya kanak-kanak sekolah sukar untuk mengulang kaji pelajaran, bekalan air yang tidak terjamin kebersihannya, jalan yang sering becak selepas hujan dan kesukaran untuk menghubungi pihak-pihak yang tertentu contohnya bomba, hospital dan sebagainya jika berlaku kejadian kecemasan.

4. Saya sekali lagi sebagai wakil penduduk di sini meminta jasa baik pihak tuan agar dapat berusaha supaya kami dapat memperoleh kemudahan tersebut dengan secepat yang mungkin. Kerjasama daripada pihak tuan, kami dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

__Borhan____

(BORHAN BIN OMAR)
Wakil penduduk Kampung Kubang Gajah.

1. Apakah masalah yang dihadapi oleh penduduk Kampung Kubang Gajah?
 - A Ketidadaan kemudahan asas di kampung ini
 - B Tiada orang untuk memohon kemudahan asas
 - C Kemudahan asas yang sedia ada mudah rosak
 - D Tiada peruntukan untuk mewujudkan kemudahan asas
2. Semua yang berikut ialah masalah yang timbul akibat ketidadaan kemudahan asas, **kecuali**
 - A Para penduduk minum air yang mungkin tercemar
 - B Murid-murid tidak dapat mengulang kaji pelajaran dengan selesa
 - C Orang ramai tidak mendapat makanan dan minuman yang mencukupi
 - D Penduduk tidak dapat menghubungi pihak bomba, hospital dan polis jika berlaku sebarang kejadian yang tidak diingini
3. Maksud frasa agar dapat berusaha dalam surat itu ialah
 - A supaya boleh bergiat
 - B supaya boleh bekerja
 - C supaya boleh berikhtiar
 - D supaya boleh berupaya
4. Pada pendapat kamu, apakah kepentingan kemudahan asas?
 - A Kemudahan asas dapat menjimatkan kos sara hidup rakyat
 - B Kemudahan asas dapat menjadikan hidup rakyat lebih gembira
 - C Kemudahan asas dapat dijadikan sebagai jambatan untuk mengecapi kenikmatan hidup
 - D Kemudahan asas dapat memberikan keselesaan kepada rakyat dalam menjalani kehidupan seharian

5. Baca dialog di bawah. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

- Johan : Hai, Amir! Apa khabar?
Amir : Oh, Johan! Khabar baik.
Johan : Sudah lama saya tidak nampak awak. Ke manakah awak pergi?
Amir : Saya pergi ke rumah pak cik saya di Perlis sejak seminggu yang lalu. Saya tinggal di sana selama seminggu. Saya baru sahaja pulang pada petang semalam.
Johan : Seronokkah awak sewaktu berada di sana?
Amir : Seronok! Pak cik saya membawa saya melawat beberapa buah tempat yang menarik di negeri Perlis. Antaranya, Padang Besar, Wang Kelian, Taman Ular dan Hutan Lipur Bukit Kubu.
Johan : Wah, tentu seronok dapat mandi-manda di Hutan Lipur Bukit Kubu!
Amir : Tentu sekali. Airnya sungguh nyaman dan dingin. Buat pengetahuan kamu, hutan lipur ini mempunyai keistimewaan dan keunikannya yang tersendiri. Selain kehijauan hutannya yang masih terpelihara, di kaki bukitnya terdapat sebuah gua batu kapur. Kita boleh memasuki gua tersebut untuk melihat sendiri stalaktik dan stalakmit yang terdapat di dalamnya. Malah, di dalam gua ini juga disediakan tempat untuk kita berehat setelah penat berjalan-jalan.
Johan : Wah, menarik sekali cerita awak ini! Berapa jauhkah hutan lipur ini dari bandar Kangar?
Amir : Hutan lipur ini terletak kira-kira 15 km dari bandar Kangar dan 6 km dari Kuala Perlis yang menjadi pintu masuk dan pintu keluar ke Pulau Langkawi.
Johan : Bagaimanakah cara untuk pergi ke hutan lipur ini?
Amir : Jika awak ingin berkunjung ke hutan lipur ini tetapi tidak mempunyai kenderaan sendiri, awak bolehlah menaiki teksi dari bandar Kangar. Tambangnya tidaklah mahal sangat, sekitar RM5 seorang.
Johan : Oh, begitu! Eh, asyik sungguh kita bersembang hingga tidak sedar bas sudah tiba! Saya pergi dahulu.
Amir : Baiklah. Jumpa lagi.

1. Mengapakah Johan sudah lama tidak berjumpa dengan Amir?

- A Amir sudah berpindah ke Perlis
- B Amir lebih suka berada di rumah
- C Amir pergi ke rumah pak ciknya di Perlis
- D Pak cik Amir membawa Amir berjalan-jalan

2. Pada pendapat kamu, di manakah Johan dan Amir bertemu?

- A Di dalam bas
- B Tempat menunggu bas
- C Di Hutan Lipur Bukit Kubu
- D Di hadapan rumah Johan